

Pemuda dukung usaha kerajaan perkasa sekolah kebangsaan

UM 22 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Pergerakan Pemuda UMNO mendukung sepenuhnya usaha kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dan mahu ia dilaksanakan dengan segera bagi menjamin masa depan pelajar di negara ini.

Wakilnya, Shamsul Najmi Shamsuddin berkata, Dasar Pendidikan Negara yang diasaskan oleh pemimpin terdahulu ternyata mampu menjalankan proses integrasi ilmu dan perpaduan masyarakat pelbagai kaum serta memakmurkan ekonomi negara.

Justeru beliau berkata, Pemuda UMNO tidak akan membenarkan mana-mana pihak memperkotak-katikkan usaha memperkasakan sekolah kebangsaan.

“Malah kita mahu proses memperkasakan itu disegerakan...(ini kerana)sekolah kebangsaan adalah sekolah untuk semua,” katanya ketika membahaskan usul agama dan pendidikan hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Shamsul Najmi berkata, bagi menjayakan usaha tersebut, kerajaan juga disarankan agar memberikan nilai tambah kepada para guru supaya mereka berkhidmat dengan lebih berkesan.

Sambil memetik pepatah Arab ‘al-faqidu

syai la yu’ti’ iaitu orang tidak mempunyai apa-apa tidak akan mampu memberikan sesuatu beliau berkata;

“Guru-guru yang lemah semangat tidak akan boleh memberikan semangat kepada murid-muridnya.

Budaya

“Guru-guru yang tidak mengamalkan budaya ilmu tidak akan boleh memberikan ilmu kepada murid-muridnya.

“Dan guru-guru yang tidak seronok datang ke sekolah, tidak akan membuatkan murid-muridnya seronok datang ke sekolah,” ujarinya.

Dalam pada itu beliau menyatakan, ahli-ahli UMNO perlu mengamalkan contoh pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang terkehadapan termasuk me-

nyeru para cendekiawan Islam agar al-Quran ditafsir semula.

“Saya bukan sahaja setuju jika al-Quran ditafsirkan semula malah hadis juga perlu ditafsirkan semula bagi memastikan Islam tidak ketinggalan,” katanya. Malangnya beliau berkata, seruan itu dipandang sepi oleh para cendekiawan Islam malah ditohmah oleh golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai kepimpinan ulama.

“Ini kerana seruan itu ia dilakukan maka jema Islam mereka tidak akan laku lagi,” ujarinya.

Tambahnya, pemikiran Dr. Mahathir yang mendorong kepada pembinaan Putrajaya dan Cyberjaya sebenarnya merupakan perkara yang mempunyai persamaan dengan cerita Ratu Balkis di dalam al-Quran.

Jelasnya, di dalam kitab suci ada disebutkan bagaimana Ratu Balkis dari Yaman telah meluk Islam apabila melihatkan kehebatan kerajaan Nabi Sulaiman yang mampu membawa istananya ke Baitul Maqdis.

“Ini ada mempunyai persamaan dengan Putrajaya dan Cyberjaya yang dibina bagi menghadapi kuasa besar dan sebagai lambang kejayaan negara,” katanya.